

24/03/2001

Cadangan sekolah satu aliran jadi perhatian

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat
SISTEM sekolah pelbagai aliran yang dikaitkan dengan isu perpaduan, mendapat perhatian akhbar berbahasa Cina sepanjang minggu ini. Perkara itu disentuh Sin Chew Jit Poh dalam editorialnya Selasa lalu.

Mengekalkan pendidikan pelbagai kaum, kata akhbar itu, dapat mencerminkan sikap bertolak ansur rakyat serta keistimewaan kebudayaan pelbagai kaum.

Nanyang Siang Pau dalam kolum kritiknya semalam pula menyentuh kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, berhubung isu itu hingga meletakkan negara sekali lagi dalam keadaan 'hangat'.

Akhbar itu berpendapat selepas 44 tahun merdeka, Malaysia seharusnya mengorak langkah ke hadapan daripada berbincang mengenai sejarah silam.

Menurutnya, pendidikan pelbagai aliran sebenarnya adalah asas bagi membentuk negara pelbagai budaya dan memberikan kelebihan kepada Malaysia untuk berhadapan dengan proses globalisasi.

Sementara itu, China Press dalam kolum kritiknya Rabu lalu berharap Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dapat menyatakan pendiriannya sama ada beliau ingin rakyat bersatu atau sekolah pelbagai aliran disatukan.

Menurut penulis, Musa kali ini hilang sokongan daripada pemimpin MCA yang sebelum ini menyokong penuh pendiriannya dalam isu SJKC Damansara.

Menurutnya, tindakan MCA membantah pendirian Musa adalah betul selain dapat meningkatkan imej sendiri.

Kolum kritikan Sin Chew Jit Poh, Rabu lalu pula menegaskan bahawa kenyataan Lee tidak patut diberi perhatian kerana masyarakat Melayu di republik itu tidak puas hati dengan keadaan sedia ada.

Penulis berharap mereka yang ingin melaksanakan pendidikan satu aliran mendengar nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia tidak memerlukan tunjuk ajar orang luar untuk menguruskan negara sendiri.

Sementara itu, akhbar Tamil memberi liputan luas kepada pergaduhan di Jalan Klang Lama dan kawasan sekitarnya.

Malaysia Nanban (Nanban) dalam editorialnya, menyifatkan kejadian yang tercetus pada 4 Mac lalu itu sebagai ujian getir terhadap keutuhan perpaduan kaum di negara ini berikutan tindakan pihak tertentu menyebarkan fitnah bahawa pergaduhan itu adalah rusuhan kaum antara orang Melayu dengan India.

Sementara itu, Tamil Nesan (Nesan) melaporkan orang luar, termasuk yang berbangsa Melayu dan India, cuba mengapi-apikan kebencian perkauman di kawasan yang bermasalah di Jalan Klang Lama.

Justeru, Nesan dalam editorialnya menggesa pihak berkuasa menahan dalang yang bertanggungjawab melakukan perkara itu bagi menyelesaikan masalah Jalan Klang Lama pada peringkat akar umbi lagi.

Kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, bahawa perlu diwujudkan sekolah satu aliran jika mahu mencapai perpaduan kaum, turut mendapat liputan meluas dalam akhbar Tamil.

Nanban melaporkan bahawa walaupun kebanyakan pihak pada dasarnya bersetuju langkah itu dapat memastikan integrasi nasional bermula pada usia muda lagi dan tahap kejayaannya adalah lebih tinggi, ramai enggan mengakuinya secara terbuka.

(END)